


o u

# GEMPAK.

WEEKLY EDITION



ADA APA DENGAN

Bella Astillah &  
Syed Saddiq



# BELLA ASTILLAH & SYED SADDIQ

Jika kemesraan yang dipamerkan dan digadang-gadangkan selebriti Dayang Ara Nabellah Awang Astillah dan Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman hanya wayang untuk mlariskan produk yang mereka wakili, bukan tengah mabuk kapayang asmara, maka strategi yang digunakan berhasil.

Jika Bella, 30, dan Syed Saddiq, 32, memang sedang menyulam rasa menjalin kasih lebih daripada sekadar sahabat dan rakan kerja, juga babak-babak asmara mereka berjaya — menyakinkan sehingga bukan hanya rakyat Malaysia tetapi jauh nun sampai ke Korea Selatan mereka dilihat sebagai pasangan sedjoli.

Macam Romeo dan Juliet karya William Shakespeare (tinggalkan inti tragedi cinta). Dalam banyak foto dan video yang disunting, Bella dan Syed Saddiq dilihat dengan kasat mata sebagai mesra, secocok dan sama cantik sama padan.

Ia menimbulkan keterujaan yang melimpah ruah buat pengguna media sosial melihat mantan isteri Aliff Aziz yang telah disakiti dengan amat dahsyat sekali bertemu cinta baharu bersama jejaka yang molek rupa parsa, bijaksana dan tinggi budi pekerti.

Ditambah dengan Bella dan Syed Saddiq pandai benar memancing perhatian umum, membuat ramai menebak dan berspekulasi sendiri — antaranya lagu Afgan berjudul Untukmu Aku Bertahan yang didendangkan wanita kelahiran Sandakan, Sabah itu ditujukan buat Syed Saddiq.



Lebih membuat keakraban mereka terus sensasi apabila abang Syed Saddiq, Syed Abdullah menyifatkan pasangan tersebut sebagai comel dan bersetuju 100 peratus dengan hubungan mereka.

Sementelah kedua-duanya juga, meminjam kata orang putih 'single'. Meski Bella adalah ibu tunggal dua anak, bergelumang kontroversi dan sensasi, pun, jika Syed Saddiq yang tidak kurang sarat sepak terajang dunia politik boleh menerima, kita mesti raikan.

Cuma masalah sekarang adalah adakah babak-babak manis dan berasa hangat yang dipamerkan saat memberi komitmen memperaga busana sempena Aidilfitri nanti bukan 'cobaan' sebaliknya 'ini betul', hanya Bella dan Syed Saddiq yang punya jawapan.

Tapi sementara Bella dan Syed Saddiq memberi pengesahan sekurangnya dengan jawapan 'kami sedang mengenal hati budi', sekali lagi, marilah kita raikan hubungan baik mereka.

Sebelum nanti satu Malaysia menyumpah seranah kerana sekali lagi telah diperdaya yang namanya permainan media sosial — Siapa terpesona, dia kena tipu. - MALIAH SURIP

## Rakam & Muat Naik Konten Sendiri, Fenomena ‘Mola-Mola’ Kakcik Yah

Usianya sudah 75 tahun. Layaknya seperti nenek-nenek kita di kampung yang penuh dengan aktiviti sendiri. Tentu sahaja selain mengemas rumah, aktitiviti utama mestilah masuk ke dapur memasak.

Namun aktiviti memasak seorang warga emas dengan nama sebenar Nariah Ahmad yang sepatutnya menjadi rutin biasa kini telah bertukar luar biasa.

Aktiviti memasak Nariah atau kini mendunia dengan nama Kakcik Yah di platform media sosial TikTok @kakcikyah4 mencetuskan fenomena.

Sebagai seorang nenek yang tampil bertudung labuh, berbaju kurung Kedah dan berkain batik tanpa calitan solekan apa lagi filter, bersikap ramah dan hangat, Kakcik Yah pantas membuat netizen jatuh cinta dengan gaya dan konten yang tidak ‘try hard’.

Kakcik Yah hanya tampil dengan resipi masakan Melayu atau kampung yang biasa menjadi menu di rumah. Resipi Rendang Daging Kambing air tangan wanita yang lahir di Mata Ayer, Perlis dan kini menetap di Kampung Melayu di Air Itam, Pulau Pinang menjadi konten paling ‘laris’ Kakcik Yah.

Dan perkataan ‘mola-mola’ yang selalu menjadi mukadimah konten beliau adalah trademark Kakcik Yah yang sangat mencuit hati ; comel apa adanya.

Malah lebih mengujakan Kakcik Yah adalah konten kreator sebenar — kerana setiap konten yang dipertontonkan dilakukan sepenuhnya oleh beliau. Untuk seorang nenek berusia lebih 70 tahun, Kakcik Yah boleh dikategorikan sebagai advance atau celik teknologi. Beliau lah yang merakam dan memuat naik semua konten sendiri!

Perkongsian Kakcik Yah yang memiliki 244 ribu pengikut dan kini memperoleh 2.2 juta tanda suka di TikTok semakin mendapat perhatian sejak awal Ramadan ini.

Bercakap mengenai fenomena ‘Mola-mola’ yang digemari rakyat Malaysia, bekas pekerja kilang ini mengaku mempersiapkan konten yang bakal dipersembahkan secara mandiri.

“Semua makcik buat sendiri. Makcik buka akaun Tiktok sendiri. Makcik memang suka bergambar dan memasak, jadi itulah buat ini (konten kreator).

“Resipi pertama yang makcik kongsi Kerabu Mangga Thailand. Makcik tak ada tempat pegang, letak telefon atas meja saja,” kata Kakcik Yah polos dalam temubual bersama Kosmo!.

Kini minat Kakcik Yah disokong bukan hanya dengan penambahan pengikut di media sosial tetapi banyak pihak yang ikut membantu termasuk menaik taraf barang dari dapur warga emas.

Harapan peminat Kakcik Yah, dengan ‘mola-mola’ yang didukung ini beliau terus aktif dan berkongsi pelbagai resipi serta nasihat buat kita semua — kerana tanpa sedar menonton konten dan mendengar redup suara Kakcik Yah berceloteh membuat kita terasa ‘pulang’ ke dakpan ibu bapa yang telah tiada. - MALIAH SURIP

## Hidayah Milik Allah, 4 Pempengaruh Peluk Islam

Islam agama yang indah. Ia boleh 'dimiliki' oleh semua bangsa, manusia dari seluruh pelusuk dunia dengan warna kulit berbeza malah meski pernah bergelar bukan Islam. Dan dengan pelbagai alasan, lima pempengaruh atau selebriti ini telah memeluk Islam sehingga menjadi inspirasi buat pengikut mereka.



### Kae Asakura / Rae Lil Black

Kisah penghijrahan wanita Jepun dengan nama Kae Asakura ini mendapat perhatian meluas kerana latar belakang pekerjaannya sebelum ini.

Asakura yang lebih dikenali sebagai Rae Lil Black merupakan mantan bintang filem porno. Tidak menjelaskan secara terperinci tentang keputusan memeluk Islam, Asakura bagaimanapun memperlihatkannya menerusi penampilan dan perbuatan yang dikongsikan di platform media sosial.

Menguatkan lagi Asakura memang telah menjadi muslim sejati apabila dia berkongsi aktivitinya menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan buat pertama kali sempat menunaikan solat fardu dan solat terawih di Masjid Sendayan, Negeri Sembilan, Malaysia.

### Brittany Renner

"Hidup saya telah bertambah baik dalam setiap aspek sejak Allah mengurniakan saya Islam dan saya mengucapkan syahadah.

"Betapa besarnya nikmat dapat hidup dan sihat untuk merasai Ramadan pertama saya," akui personaliti media sosial dari Amerika Syarikat, Brittany Renner selepas memeluk Islam.

Merupakan seorang model dan pelakon, Renner, 33, memeluk Islam sekitar 7 bulan lalu. Menurutnya bukan dia yang memilih Islam tetapi Allah telah memilih orang yang ingin diberikan hidayah.

### Abbey Hafez

Pempengaruh yang mendapat lebih 7 juta tanda suka di TikTok, Abbey Hafez memeluk Islam pada 2023.

Kisah penghijrahan wanita Amerika Syarikat ini sangat indah. Menurut Hafez dia memeluk Islam selepas membaca kitab suci Al Quran.

Menurutnya, hatinya telah terdetik untuk membaca Al-Quran kerana ingin tahu dan memahami situasi sebenar di Palestin.

"Saya mula membaca Al-Quran kerana ingin tahu, dan ia telah membuatkan saya berasa tenteram serta membantu saya untuk lebih memahami berkenaan apa yang sebenarnya berlaku di Palestin sekarang," tulisnya pada ruangan kapsyen tidak lama dulu.

### Bobon Santoso

Seorang Youtuber kulinari terkenal Indonesia, Bobon Santoso juga telah memilih Islam sebagai agama baharunya.

Bobon malah memilih memeluk Islam pada bulan penuh berkat, Ramadan dengan bimbingan penceramah bebas, Ustaz Derry Sulaiman di sebuah masjid di Jakarta.

Sebelumnya, Bobon yang merupakan penganut Kristen terkenal dengan konten masakan dan memakan makanan eksotik termasuk melakukan pelbagai eksperimen di luar kotak. - MALIAH SURIP

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Sipu Groso  
Pelakon: Adila Fitri, Samuel Rizal, Kiesha Alvaro  
Genre: Seram

Lima mahasiswa – Lintang, Arga, Ajeng, Sandra, dan Dimas – merancang ke Air Terjun Sampang, namun perjalanan mereka bertukar ngeri apabila kereta rosak di sebuah desa misteri. Penduduk, termasuk ketua kampung Trimo, menyambut mereka dengan mesra dan menawarkan tempat tinggal. Namun, keadaan berubah apabila mereka menemui mayat dan kejadian aneh mula berlaku. Mencari jawapan, mereka dikejutkan dengan penemuan mengerikan – potongan tubuh manusia dimasak dalam kuali penduduk desa.



Pengarah: Anggy Umbara  
Pelakon: Ozy Syahputra, Indah Permatasari, Cornelio Sunny, Jameelah Saleem  
Genre: Seram, Komedi, Drama

Mengisahkan Nirmala, gadis indigo yang terguncang selepas kehilangan sahabatnya secara misteri. Ketika menyiasat, dia mendapati anak-anak di rumah anak yatimnya hilang setiap tahun tanpa jejak. Penyelidikannya membawa kepada Bang Ozi, dikenali sebagai Setan Botak, yang memegang rahsia gelap di sebalik kehilangan itu.



Pengarah: Dan Berk dan Robert Olsen  
Pelakon: Amber Midthunder, Ray Nicholson, Betty Gabriel, Matt Walsh, Lou Beatty Jr., Jacob Batalon  
Genre: Aksi, Komedi, Thriller

Novocaine mengisahkan Nathan Caine, seorang eksekutif bank yang pendiam dan memiliki kelainan langka yang membuatnya tidak dapat merasakan kesakitan fizikal.

Ketika teman wanitanya, Sherry, diculik dalam satu rompakan bank, Nathan memanfaatkan keadaannya sebagai kelebihan luar biasa dalam usaha menyelamatkannya.

## WONDA Coffee Keluang Man of The Month: Zawana vs Rusydi Rosli, Siapa Pilihan Korang?

WONDA Coffee Keluang Man of The Month kembali untuk edisi Mac 2025! Dua calon terpilih untuk merebut gelaran ini dan undian dibuka dari 12 Mac hingga 2 April 2025.

### Zawana

Dikenali kerana usahanya membantu golongan memerlukan di Kelantan. Zawana banyak menyumbang dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada fakir miskin serta anak yatim, memastikan mereka mendapat kehidupan lebih baik.

### Rusydi Rosli

Menjadi perhatian ramai dengan inisiatif 30 Hari, 30 Surau, di mana beliau meluangkan masa membersihkan serta mengulas keadaan surau-surau yang dikunjunginya. Usaha ini bukan sahaja memberi kesedaran tetapi juga mendorong lebih ramai untuk menjaga kebersihan rumah ibadah.

### Apa itu WCKMOTM?

Program ini diinspirasikan daripada Keluang Man, superhero rakyat yang berani dan berbakti kepada masyarakat tanpa kuasa atau teknologi canggih. WONDA Coffee Keluang Man of The Month bertujuan mengiktiraf individu yang menjadi wira kepada masyarakat, tidak kira sama ada mereka anggota penyelamat, sukarelawan atau individu yang viral kerana sumbangan mereka kepada orang ramai.

Siapakah yang bakal dinobatkan sebagai WCKMOTM Mac 2025? Undi sekarang dan raikan wira-wira kita!

**Zawana**

**Rusydi Rosli**

## 160 Kandungan Menarik Raya 2025

Astro menyajikan 12 telefilem baharu di Astro Ria, Prima & Ceria bermula 1 Syawal, termasuk kisah cinta dan konflik keluarga karya Siti Rosmizah, komedi keluarga, serta hiburan untuk penonton cilik seperti Bintang Dari Beaufort dan OSOM.


Selain itu, 7 drama Ramadan Raya seperti Dia Imamku, Seribu Tahun dan First Wives terus menjadi pilihan sepanjang Syawal.

Pelbagai program hiburan dan komedi turut memeriahkan Raya, antaranya MagiSiti 2025 bersama Datuk Seri Siti Nurhaliza, Gegar Vaganza 11 Raya, Healing with Zizan Raya serta sitkom terbaru Seri Ferry Mart.

Peminat sukan boleh menyaksikan program khas di Astro Arena, manakala peminat filem boleh menikmati Qodrat 2, Keluang Man di pawagam serta filem Astro First seperti Harimau Merah: Konflik Bermula dan Emp4t.

Di platform digital, Astro Gempak menawarkan program menarik seperti Travel EV Balik Ganu, Borak Dulu Baru Kamu Raya Special dan Reunion Raya Special.

Astro Radio juga memeriahkan Syawal dengan pelbagai program istimewa seperti Plus One ERA, Berlagu Beraya BORNEO, dan Lemang Drive Thru SINAR.



## #MeriahLainMacam: Pesta Raya Paling Gempak!

Astro membawakan Pesta #MeriahLainMacam, acara khas sempena Aidilfitri 2025 yang penuh dengan hiburan, aktiviti interaktif, dan tayangan eksklusif untuk seisi keluarga.

Acara ini bermula di Suria KLCC (15 Mac) dengan Sherry Al Hadad, Zizan Razak, Mierul Aiman & Nadhir Nasar, serta pelancaran iklan Lain Macamnya Raya. Pada 22 Mac di Dataran Merdeka, Astro menganjurkan CSR Bubur Lambuk bersama DBKL, JKKN & Ideaktiv. Kemuncaknya di Pavilion KL (23 Mac) menampilkan Nadhir Nasar, Meerqueen, Sweet Qistmina & Faizal Hussein.

Untuk memeriahkan lagi sambutan, Astro turut mempersembahkan dua lagu raya eksklusif – Meriah Lain Macam nyanyian Hael Husaini & Nadeera Zaini, serta Nyam Nyam Ketupat oleh Zizan Razak, Wani Kayrie, Dinda Dania & Miss Alvy.

## Rizman Ruzaini Buka Pop-Up Store Raya!

Rizman Ruzaini membuka pop-up store Raya pertama di IOI City Mall, menawarkan potongan harga istimewa sepanjang Ramadan.

"Ini peluang untuk pelanggan mendapatkan koleksi lama dan baharu dalam suasana lebih selesa," kata mereka.

Jenama RR by Rizman Ruzaini juga bakal mengalami transformasi agar terus relevan sepanjang tahun. Tahun ini, mereka memperkenalkan koleksi eksklusif 'Empress', diinspirasikan daripada pelanggan setia.

Peminat juga boleh mendapatkan koleksi mereka di Absolut Bazaar, Mitec KL pada 21 Mac.



## Rico Rinaldi Lancar Summeraya RTW 2025, Saiz Hingga 3XL

Rico Rinaldi memperkenalkan koleksi Summeraya RTW 2025 dengan saiz hingga 3XL, koleksi beg tangan Raya eksklusif, dan harga berpatutan RM259 - RM349.

Koleksi ini menampilkan baju kurung moden, kebaya, kebarung serta rekaan mesra penyusuan. Rico turut merancang saiz hingga 5XL tahun depan.

Kolaborasi dengan Richiamo melahirkan beg tangan diinspirasikan minuman tempatan, sementara kerjasama dengan Objet memperkenalkan set pinggan mangkuk Raya.



## Mad Noor

@dodosentoso

### Tak Minum Alkohol Tapi Bacaan Enzim Dalam Hati Tinggi, Kenapa?

Ramai sangka hanya alkohol boleh sebabkan masalah hati. Hakikatnya, ada banyak faktor lain yang boleh meningkatkan enzim hati tanpa kita sedar.

#### 1. Hati Berlemak (NAFLD)

Lemak terkumpul dalam hati tanpa sebabkan sakit atau simptom awal. Kerap berlaku pada individu dengan berat badan berlebihan, perut buncit atau kolesterol tinggi. Jika tidak dikawal, boleh jadi lebih serius dan merosakkan hati.

#### 2. Ubat & Suplemen

Pengambilan paracetamol, ubat anti-radang, jamu atau produk detoks tanpa kawalan boleh membebankan hati.



#### 3. Jangkitan Hepatitis


Hepatitis B & C boleh menyerang tanpa simptom jelas. Ramai tidak sedar dijangkiti sehingga keadaan jadi kronik.

#### Bila Perlu Risau?

Jika bacaan enzim hati kekal tinggi, lakukan pemeriksaan lanjut seperti ujian darah, ultrasound atau Fibroscan. Doktor mungkin akan cadangkan perubahan diet, kawalan berat badan atau ubah suai pengambilan ubat.

Masalah hati bukan hanya akibat alkohol. Gaya hidup, pemakanan, dan ubat juga memainkan peranan besar. Jangan tunggu sakit baru bertindak - jaga hati dengan gaya hidup sihat dan pemeriksaan berkala.






## Handmade Behind Bars

In Malaysia, prison inmates learn valuable skills through rehabilitation programs while preserving cultural heritage.

At Puncak Borneo Prison in Sarawak, inmates weave songket, producing 226 pieces since 2020. Meanwhile, prisons like Pengkalan Chepa in Kelantan train inmates to bake Raya cookies, earning RM300,000 in 2023.

These programs generate income, with prison-made food sales reaching RM26.6 million in 2015 and a RM2.2 million target for Raya cookies in 2024.




## Free Iftar For Delivery Heroes

A kind-hearted Malaysian woman, Siti Nor Fazilah, recently went viral on TikTok for surprising delivery riders with free food for iftar.

In the video, she is seen handing out packed meals to riders who were still working during Ramadan, ensuring they had something to break their fast.

Many praised her generosity, highlighting the struggles of delivery riders who often miss mealtimes due to their demanding schedules.



## Kedah Mosque Wows With Play Zone

A mosque in Sungai Petani, Kedah, features an indoor play area, Edukidz, with illuminated slides, a giant ball pit and interactive screens.

This unique initiative aims to attract families and make the mosque a more welcoming space for children.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)